


## ULASAN BUKU



Rahmah Mokhtar, Abdul Muiez Ruslee & Zamri  
Mohamad  
**Aku terima cintanya**  
Batu Caves, Selangor : PTS Pub. House, 2015. 241ms.  
ISBN 978-967-411-474-9

## ULASAN

Buku ini mengandungi 21 kisah cinta hasil nukilan 3 orang penulis yang mempunyai interpretasi berbeza terhadap cinta dan berdasarkan pengalaman sendiri. Cerita-cerita yang dipaparkan dalam buku ini sesuai untuk dijadikan panduan bagi yang bercinta dan melayari hidup berumah tangga.

Walaupun buku ini mengangkat tema biasa iaitu cinta dan sayang di antara lelaki dan perempuan, kisah yang digambarkan dalam buku ini, bukan hanya semata-mata permainan emosi para remaja sahaja, namun merangkumi kasih sayang di antara suami isteri, ibu bapa, anak dan ayah serta kasih sayang di antara sahabat.

Penyampaian cerita menggunakan kaedah santai dan bahasa yang mudah difahami. Kisah cinta yang dipaparkan juga adalah kisah cinta sejagat yang dialami oleh kebanyakan daripada kita yang boleh membuatkan pembaca menjiwai kisah yang

diketengahkan.

Pengarang berjaya menyampaikan mesej mengenai kasih sayang dan cinta dengan berkesan melalui garapan yang berupaya mencetuskan satu perasaan yang sangat peribadi kepada pembaca bagi menggambarkan bahawa sesungguhnya cinta tidak akan pudar walaupun pasangan kita telah tiada. Cinta dan kasih sayang yang suci dan tulus akan terus mekar sehingga ke akhirnya.

Buku ini ditulis berdasarkan pengalaman penulis sendiri di samping temuramah dengan individu yang terlibat dalam penceritaan ini. Sebagai contoh, penulis menceritakan tentang persahabatan beliau bersama sahabat karibnya di zaman persekolahan. Di samping itu, penulis turut menceritakan tentang pengorbanan dalam hidup berumahtangga oleh ibu bapanya berdasarkan pemerhatian beliau sendiri, di samping temubual yang dijalankan di antara penulis dan bapanya bagi mendapatkan maklumat yang sebenar tentang kehidupan yang dilalui sepanjang perkahwinan mereka.

Buku ini memberi panduan untuk pembaca mendefinisikan maksud perkataan cinta yang luar biasa kuasanya walaupun hanya satu perkataan sahaja, namun mempunyai seribu satu makna. Cinta digambarkan oleh penulis bukan hanya sekadar perasaan sahaja, tetapi perlu disulami dengan tanggungjawab dan amanah di dalamnya.

Buku ini sesuai untuk peringkat remaja dan dewasa sebagai panduan dalam mencari nilai kasih sayang dalam kehidupan. Kisah kehidupan dari pelbagai sudut manusia berbeza yang ditonjolkan di dalam buku ini memberikan inspirasi kepada para pembaca untuk menghargai peluang berkasih sayang dan bercinta di dunia yang fana ini.

**Pengulas:**

**Hazlifah Zaidi**  
Penolong Pengarah  
Pusat Penyerahan Terbitan Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Azura Abdullah  
**Bekerja & berniaga : panduan kejayaan untuk suri**  
Seri Kembangan, Selangor : Jootawan Group, 2015.  
145ms.  
ISBN 978-967-12574-7-0

## ULASAN

Buku *Bekerja & Berniaga: Panduan Kejayaan Untuk Suri* adalah sebuah buku yang perlu dimiliki. Ini kerana ia merupakan sebuah naskhah yang sangat hebat yang digarap berdasarkan pengalaman penulis sendiri yang pernah bekerja dan berniaga. Beliau adalah seorang blogger yang pernah menerima banyak nota dilema mahu berhenti kerja dan mahu berniaga atas pelbagai sebab daripada kaum wanita khususnya ibu bekerjaya.

Atas rasa tanggungjawab, beliau berkongsi ilmu dan pengalaman yang dikutip sepanjang bekerja sebagai seorang jurutera dan menguruskan perniagaan kecil secara *online* dan *offline* (butik). Beliau mula menceburkan diri dalam perniagaan ini apabila ditimpa dugaan di mana suaminya ketika itu jatuh sakit kritikal diserang angin ahmar. Maka hilanglah salah satu sumber pendapatan keluarga. Segala komitmen bulanan perlu dilunaskan dan hidup perlu diteruskan. Dengan berkat kesabaran akhirnya perniagaan beliau berjaya dan mampu menjana pendapatan keluarga. Kini, beliau telah bersara dari dunia bermajikan dan kembali kepada fitrah menjadi isteri dan ibu sepenuh

masa yang bekerja dari rumah sambil melihat anak-anak membesar depan mata. Walau bagaimanapun, kejayaan yang dikecapi kini bukanlah sesuatu yang mudah. Pelbagai perkara yang perlu difikirkan dan diteliti terlebih dahulu samada mahu berniaga dan bekerja atau sebaliknya.

Buku ini memberi garis panduan serta motivasi kepada pembaca khususnya golongan wanita yang bekerja untuk memulakan langkah niaga dengan kos minimum dan panduan menguruskannya. Memanfaatkan sepenuhnya minat dalam perniagaan bagaimana bekerja sambil berniaga tanpa rasa tertekan, memikul pelbagai tanggungjawab sebagai isteri, ibu, anak, pekerja dan peniaga. Juga bagaimana bekerja dan berniaga tanpa mencuri waktu kerja pejabat majikan untuk melakukan kerja-kerja bisnes. Buku ini juga menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh semua golongan masyarakat.

Terdapat beberapa panduan yang dikongsikan dalam buku ini. Yang pertama Niat – Betulkan niat kenapa anda hendak berniaga? Berniaga hanya kerana mahu melarikan diri daripada sesuatu situasi ke situasi lain tidak akan membawa anda ke mana-mana. Berniaga dengan minat yang tinggi barulah anda dapat melihat segala perkara negatif sebagai peluang besar. Kedua – Tetapkan Matlamat. Kenalpasti matlamat akhir kerjaya anda seawal mungkin. Tetapkan sasaran bebas kewangan atau boleh urus komitmen kewangan. Ketiga – Berbisnes Sebelum Memulakan Bisnes. Anda perlu mulakan bisnes ketika masih selesa dan punya pendapatan tetap walaupun kecil. Biar bermodalkan hobi dan bakat tetapi anda sudah memulakan langkah. Bisnes itu ibarat lari maraton dan memerlukan sesi pemanas badan atau anda menghadapi masalah kekejangan otot.

Keempat – Mulakan Dengan Apa Yang Ada (*Lean*). Terlalu banyak alasan untuk tidak bermula dan mengkayakan diri sendiri. Sebenarnya kebanyakan dari kita telah mencipta kejayaan dalam bidang niaga seawal bangku persekolahan lagi tetapi kita memandang remeh dan melupakannya. Kelima – Aplikasi Ilmu dan Pengalaman Dalam Perniagaan. Setiap helaian episod kehidupan kita terutamanya di waktu kecil dan cara didikan ibubapa kita penuh dengan makna. Cuba kenang dan renungkan. Sambil-sambil belajar ilmu niaga anda perlu cuba. Praktiskannya. Mahu ditunggu sampai cukup ilmu entah bila kesudahannya. Keenam – Bagaimana Mahu Mula Berniaga? Konsep perniagaan anda

perluah untuk menyelesaikan masalah pelanggan. Matlamat perniagaan dan teras bisnes yang mahu diceburi perlu jelas. Elakkan memulakan perniagaan dengan komitmen dan bebanan kewangan yang tinggi. Ketujuh – Langkah Kecil Langkah Besar. Jika anda hanya memulakan bisnes hanya ketika anda jatuh, kapasiti tenaga fizikal dan emosi yang perlu anda laburkan adalah sangat besar. Sebaiknya bermula semasa selesa.

Kelapan – Bisnes Tanpa Modal (*Dropship*). Kaedah *dropship* sangat sesuai bagi mereka yang mahu memulakan bisnes dengan kos minima. Modalnya hanyalah komputer riba / desktop, telefon pintar dan sedikit kreativiti disulami usaha. Kesembilan – Berfikir di luar kotak. Kreativiti dalam menjalankan bisnes. Idea biasa-biasa menjadi luar biasa yang akhirnya menarik perhatian orang ramai. Kesepuluh – Pengurusan Masa Peribadi, Majikan dan Bisnes. Pengurusan masa peribadi dan masa kerja yang baik sangat penting supaya anda tidak membawa emosi negatif ke tempat kerja dan bisnes.


Kesebelas – Penjenamaan Diri. Ia adalah satu revolusi pengurusan kerjaya dan bisnes. Jika penjenamaan diri anda baik secara automatik produk anda juga akan menjadi baik. Kedua belas – Hartanah Maya vs Media Sosial. '*All Eggs In One Basket?*' – Risiko meletakkan sesuatu sumber di satu tempat yang sama. Perluaskan medium pemasaran perniagaan anda. Ketiga belas – Simbol Palsu Kejayaan adalah antara kesilapan ketara yang normal. Contohnya membeli benda-benda yang menjadi bukti palsu kejayaan sedangkan peniaga zero atau tiada keuntungan. Moralnya disini, anda perlu tahu apa yang anda mahu dan apa matlamat anda di penghujungnya. Mulakan langkah dari sekarang sebelum terlewat. Tiada langkah kedua dan ketiga tanpa langkah pertama. Bermulalah!

**Pengulas:**

**Nor Afizah Mafrodi**  
Penolong Pengarah  
Pusat Bibliografi Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia



## ULASAN BUKU



Aldzham Kamil  
**Kalau aku kaya**  
Batu Caves, Selangor : Must Read, 2015. 147ms.  
ISBN 978-967-0716-47-3

## ULASAN

Buku *Kalau Aku Kaya* merupakan hasil karya pertama Aldzham Kamil yang menerangkan secara ringkas tetapi padat tentang pengurusan kewangan mengikut perspektif Islam. Pada pendahuluan buku tersebut, penulis membangkitkan isu-isu yang sering dihadapi oleh masyarakat Islam kini iaitu takut untuk menceburkan diri dalam perniagaan kerana bimbang akan kerugian, salah pengertian tentang kebahagiaan sebenar dan tidak mengetahui tentang konsep kewangan dan cara menguruskannya. Buku ini bertujuan untuk membuka minda masyarakat Islam tentang konsep kewangan dan kekayaan yang sebenar dalam Islam.

Buku ini terbahagi kepada 7 bab utama yang merangkumi aspek tujuan kehidupan mukmin, kekayaan hati, menempuh cabaran, apa di sisi orang mukmin, barakatologi, nilai sebenar dan perhubungan hamba dengan Tuhannya.

Menurut penulis, orang mukmin berbeza dengan orang bukan mukmin kerana orang

mukmin mempunyai tujuan hidup yang jelas iaitu menjadi hamba Allah dan menjadi khalifah Allah. Maka segala usaha oleh umat Islam untuk meninggikan syariat Islam adalah dianggap sebagai jihad. Ini termasuklah menggunakan kekayaan di jalan Allah S.W.T untuk membeli Syurga Allah seperti dalam Surah Al-Shaff. Penulis juga menekankan supaya umat Islam tidak bersikap terlalu berkira dalam menyedekahkan kekayaan di jalan Allah S.W.T supaya ia akan menjadi saham pahala pada kemudian hari.

Penulis juga menekankan bahawa hati yang kaya merupakan penentu halatuju kehidupan yang akan kita tempuhi di mana kekayaan harta hanya dapat dikecapi dan dinikmati dengan adanya hati yang kaya. Sebagai umat Islam, kita perlu melakukan pembersihan hati dengan memperbanyakkan amal soleh agar memperoleh hidayah daripada Allah S.W.T. Seterusnya umat Islam juga perlu mengamalkan sedekah jariah dan zakat untuk membersihkan hati. Sebagai seorang mukmin, segala perbuatan dan tingkahlaku kita akan memberi kesan pada hati sama ada perbuatan yang baik atau buruk. Ciri-ciri mukmin yang kaya sebagaimana dalam Surah al-Mu'minun, kita perlu yakin tentang rezeki yang dijanjikan oleh Allah S.W.T. Kita perlu yakin hanya dengan rezeki yang halal, kita akan sentiasa dalam pemeliharaan Allah S.W.T. Kunci utama kepada segala permasalahan ialah kesuburan jiwa dan kebijaksanaan akal.

Seterusnya penulis mengingatkan bahawa seorang Mukmin yang kaya adalah seseorang yang kaya dengan perasaan takwa kepada Allah S.W.T walaupun ditimpa musibah, mereka akan tetap berasa tenang dan redha. Seorang Mukmin yang bebas dari pengaruh duniawi akan memiliki jiwa yang tenang, tenteram dan lebih bermakna. Dalam bab ini juga, penulis menekankan betapa pentingnya orang Mukmin untuk memajukan ekonomi Islam di mana kita perlu yakin dan menyokong perniagaan yang diusahakan oleh umat Islam.

Kebebasan kewangan yang dimaksudkan oleh penulis ialah keadaan di mana seseorang itu bebas membuat pilihan tanpa terikat dengan keadaan dalam melaksanakan perintah Allah S.W.T. Lima langkah praktikal yang diketengahkan ialah memberi keutamaan dalam merancang samada keutamaan kewangan untuk simpanan persaraan mahupun untuk tujuan perbelanjaan perubatan. Kedua ialah menjauhi dari

berhutang supaya tidak menjejaskan hubungan sesama Islam. Ketiga ialah mempraktikkan strategi kewangan Nabi Yusuf AS yang dalam mengurus kewangan secara efektif serta melabur sebahagian pendapatan kita untuk takaful yang mempunyai tujuan asas perlindungan kewangan Mukmin.

Satu konsep yang menarik cuba diperkenalkan oleh penulis ialah kepentingan konsep berkat dalam kehidupan setiap Muslim di mana kejayaan seseorang itu tidak semestinya bergantung kepada logik akal semata-mata tetapi ia kadangkala terjadi apabila berlaku sesuatu keajaiban kehidupan yang tidak terbatas dengan pemikiran logik akal. Menurut penulis, sunah Rasulullah S.A.W. merupakan magnet keberkatan dan disyorkan bagi kita untuk kehidupan kita yang lebih baik dan diberkati.

Secara kesimpulannya, saya dapati buku ini amat baik sebagai panduan untuk lebih memahami tentang pengurusan kewangan mengikut perspektif Islam, mudah difahami dan sesuai dibaca oleh semua golongan pembaca.

**Pengulas:**

**Akmal Fardhiana Muhamad**


Penolong Pustakawan

Pusat Bibliografi Negara

Perpustakaan Negara Malaysia



## ULASAN BUKU



Afidah Ayob

**Lihat langit tinggi : menggapai impian Aiman**

Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2015. 314ms.

ISBN 978-983-097-557-3

## ULASAN

*Lihat Langit Tinggi : Menggapai Impian Aiman* ialah kompilasi kisah realiti perjalanan warna-warni kehidupan seorang ibu yang dianugerahkan dengan seorang anak lelaki yang didiagnosis sebagai anak kelainan upaya, *Cerebral Palsy*. Anak ini diberi nama Aiman. Buku ini ditulis sendiri oleh ibu Aiman, iaitu Afidah Ayob. Kulit buku yang menarik perhatian, melihatnya sahaja sudah meruntun hati kita memandangi kejujuran seorang kanak-kanak lelaki duduk di atas kerusi roda di sebuah padang hijau, dengan latarbelakangnya bangunan pencakar langit cukup menjentik jiwa saya selaku pembaca yang juga mempunyai anak yang hampir sebaya. Metafora imej muka hadapan buku sudah menarik perhatian saya, betapa pembangunan yang kita kejar, tetapi tanpa sedar ada insan yang sendirian, berjuang untuk hidup. Sinis.

Menyelak lembaran awal penulisan dalam buku ini, mendebarkan hati saya apabila penulis berkongsi pengalamannya ketika mengandungkan Aiman, beberapa kali mengalami tumpah darah membuatkan saya berteka-teki, adakah Aiman dilahirkan awal

dari sepatutnya, namun semuanya terjawab apabila Aiman dilahirkan cukup masanya, namun keadaannya ketika itu hampir lemas dan kurang oksigen.

Seterusnya sebagai pembaca, saya merasa berdebar dan tertanya-tanya macam mana reaksi dan keadaan penulis apabila mendapat tahu ada kelainan pada Aiman, perkara ini terjawab apabila ketika Aiman berusia sekitar enam atau tujuh bulan, doktor mengesahkan Aiman anak *Cerebral Palsy*. Kedua mereka suami isteri tenang sahaja, dan bermulalah rutin mereka berulang alik ke hospital demi mendapatkan rawatan demi rawatan untuk pemulihan Aiman.

Menarik tentang buku ini ialah Afidah menulis lengkap kronologi mereka membawa Aiman membuat rawatan demi rawatan. Maklumat-maklumat di mana mereka membawa Aiman mendapatkan rawatan dan bentuk rawatan dibuat diceritakan dengan jelas dalam buku ini, maklumat ini berguna untuk pembaca yang mungkin ada masalah yang sama dengan Aiman. Saya menyukai kronologi penceritaan dari satu tempat ke satu tempat Aiman mendapatkan rawatan, ia lengkap dan maklumat bermanfaat. Membacanya juga membuatkan saya mengira-ngira bukan sedikit perbelanjaan yang mereka keluarkan untuk mengubati anak mereka bukan soal wang dan ringgit, ia juga soal usaha dan harapan. Mereka tidak mengalah dan tidak berputus asa.

Menyelak lembaran demi lembaran, hati ini semakin dijentik, saatnya ketika mereka menerima khabar dari doktor keputusan ujian MRI yang dijalankan ke atas Aiman, didapati kedua-dua otaknya rosak teruk. Saya kagumi semangat penulis dan suaminya yang masih kuat dan tidak mengalah. Aiman juga dibawa menjalani terapi pertuturan dan Aiman dilatih bertutur. Walaupun sukar, dengan simulasi dari pakar terapi, Aiman mulai bercakap dan meniru percakapan orang lain. Saat membaca bab ini, saya merasa betapa besarnya kuasa Allah S.W.T., Aiman mampu bertutur walaupun sebelumnya dikhabarkan otak Aiman cedera tahap lima, iaitu tahap paling tinggi. 'Kun FaYa Kun'.

Selain dari mendapat rawatan akupunktur, kemudian dirawat oleh seorang pengamal perubatan alternatif, yang dipanggil Kak Raw. Saya tertarik kaedah rawatan yang dilakukan, apabila Aiman dibalut kemas selama 4 jam. Logiknya bila dibalut, aliran darah tersekat dan apabila balutan dibuka, darah akan menderu laju dan membuka ruang-

ruang oksigen dengan lebih banyak. Menarik. Tidak berhenti di situ, Afidah dan suami berusaha mengubati Aiman dengan kaedah hemopati dan fisioterapi. Kaedah ini berjaya membentuk semula tulang pinggul Aiman. Seterusnya Afidah dan suaminya mencuba pelbagai kaedah perubatan, itu usaha mereka, saya mengagumi usaha mereka. Secara peribadi saya merasakan mereka ibu dan bapa yang sangat hebat.

Sehingga Aiman berusia 4 tahun Afidah nekad untuk mengajar Aiman sendiri, dan memulakan 'homeschool' mereka sendiri, hebat. Saya kagumi semangat Afidah dan sehingga Aiman berjaya mengira dan mengenal huruf dengan baik. Kemajuan demi kemajuan yang dicapai Aiman, membuatkan Afidah bernazar mahu membawa Aiman menunaikan umrah. Paling menarik Afidah menulis pengalaman mereka menunaikan umrah sendiri, tidak melalui agen dan mutawif, satu pengalaman yang menarik dan kita yang membacanya merasa teruja seakan digamit ke sana.

Membaca hingga ke muka akhir buku ini membuatkan perasaan kita kerap tersentuh. Ada ketika kita berdebar-debar, teruja hendak tahu apa yang berikutnya. Ada ketika kita merasa sedih, sebak bila membaca kepayahan dan keperitan mereka. Malah ada ketika kita berbangga membacanya kerana kagum dengan semangat juang mereka.

*Lihat Langit Tinggi : Menggapai Impian Aiman*, suatu bingkisan dari hati yang ditulis dari naluri seorang ibu yang hebat. Saya hargai catatan ini.

**Pengulas:**


**Nor Syafinaz Samsudin**

Penolong Pengarah

Bahagian Pembinaan Koleksi

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Ghazali Ibrahim  
**Pembahagian harta pusaka dan kepentingan wasiat**  
Batu Caves, Selangor : Must Read, 2015. 348ms.  
ISBN 978-967-0716-44-2

## ULASAN

Masyarakat Islam di Malaysia dilihat bersikap menanggung-nangguhkan hal pengurusan berkaitan dengan harta pusaka dengan pelbagai alasan tanpa memikirkan kesan daripada tindakan tersebut. Masyarakat Islam juga dikatakan hanya bijak mengumpul dan menggunakan harta tetapi alpa tentang cara mewariskan harta. Begitulah pandangan penulis terhadap masyarakat Islam di negara ini apabila dikaitkan dengan soal pembahagian harta pusaka dan wasiat.

Kealpaan masyarakat Islam terhadap ilmu faraid sememangnya tidak dapat disangkal sehingga membawa kepada perpecahan dalam institusi kekeluargaan kerana berebut harta di samping berlakunya ketidakadilan kepada waris yang berhak terhadap harta pusaka. Lantaran itu, karya Ustaz Md. Ghazali bin Ibrahim ini amat wajar dibaca oleh setiap umat Islam bagi mendapatkan pencerahan berkaitan dengan soal pembahagian harta pusaka.

Tujuan buku dihasilkan amat jelas iaitu untuk memberikan pengetahuan dan panduan kepada masyarakat Islam tentang ilmu faraid serta hal-hal yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka terutamanya wasiat. Namun pada masa yang sama, pembaca dapat mengambil iktibar daripada kes-kes atau isu-isu yang diketengahkan oleh penulis berdasarkan pengalaman beliau dalam menguruskan hal-hal yang bersangkutan harta pusaka. Penulis juga merujuk kepada surah-surah dari al-Quran dan hadis di samping Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah (FATWA) Negeri bagi memutuskan sesuatu hukum itu dilaksanakan kepada waris-waris mengikut hukum faraid.

Jika dibuat penelitian, buku setebal 348 halaman ini memberikan maklumat yang padat mengenai ilmu faraid dan wasiat kepada pembaca menerusi penggunaan gaya dan laras bahasa Malaysia yang mudah difahami. Selain itu maklumat yang terkandung dalam buku ini amat berguna kepada masyarakat Islam yang kurang pengetahuannya tentang ilmu faraid dan penulisan wasiat. Malah, mana-mana individu yang ingin mengetahui ilmu faraid dan wasiat secara mudah dan cepat, maka buku ini dapat membantu.

Kandungan buku ini ditulis dan disusun kepada tiga bahagian yang utama. Bahagian pertama mengandungi pengenalan tentang ilmu faraid. Dalam bahagian ini, penulis menjelaskan definisi ilmu faraid serta mengemukakan sumber hukum faraid. Syarat mendapat pusaka serta sebab menerima pusaka, waris-waris yang berhak, nisbah pembahagian harta serta ilmu yang perlu dikuasai untuk mengurus harta pusaka turut dijelaskan.

Manakala bahagian kedua memperincikan langkah merancang dan mengurus harta pusaka berdasarkan hukum faraid semasa kita masih hidup. Perancangan dan pengurusan harta pusaka perlu dilakukan supaya kita tidak menyusahkan waris apabila maut menjemput kita. Malah, perkara-perkara yang perlu diambil kira semasa pengurusan harta yang ditinggalkan oleh simati serta pengurusan harta pusaka di Malaysia turut dihuraikan dalam bahagian ini. Penulis juga amat menekankan soal hutang semasa merancang dan mengurus harta pusaka. Tambahan pula, kita seolah-

olah tidak dapat lari daripada berhutang untuk meneruskan kehidupan pada masa ini.

Bahagian ketiga pula menyentuh tentang hal-hal yang berkaitan dengan wasiat, definisi wasiat, surat wasiat serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyediakan surat wasiat. Malah, contoh dan draf Surat Wasiat Pentadbiran Pusaka, Surat Pengisytiharan Hibah dan Pengisytiharan Harta Sepencarian turut dimuatkan dalam bahagian ini sebagai rujukan.

Peringatan dan persoalan yang diutarakan menjadikan buku ini menarik serta memberi keinsafan kepada kita kerana sekiranya pembahagian harta pusaka dan penulisan wasiat tidak diuruskan dengan betul boleh membawa pelbagai akibat yang buruk. Ini berlaku apabila ada di antara kita yang terperangkap oleh sikap tamak dan mementingkan diri apatah lagi apabila melibatkan harta pusaka yang banyak dan tinggi nilainya sehingga sanggup membelakangkan hukum-hakam.


Kesimpulannya, ilmu faraid dan hal-hal berhubungkait dengan pembahagian harta pusaka serta penulisan wasiat bukanlah perkara yang boleh kita ambil mudah. Ilmu ini perlu kita dalami dan praktikkan dalam kehidupan kita seperti mana yang disarankan oleh penulis. Maka, ayuh kita mengorak langkah melengkapkan diri dengan ilmu yang begitu penting ini agar kita bukan sahaja selamat di dunia malah di alam akhirat.

**Pengulas:**

**Wan Salbiah Mohd Khalil**  
Pembantu Perpustakaan (K)  
Pusat Penyerahan Terbitan Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia



## ULASAN BUKU



Asmah Haji Omar, Dato'  
**Riwayat Ungku Aziz**  
Kuala Lumpur : Dewan Pustaka dan Pustaka, 2015.  
259ms.  
ISBN 978-983-46-1444-7

## ULASAN

Buku ini ditulis oleh Dato' Asmah Haji Omar dan digarapkan dalam lapan bab yang menerangkan tentang latar belakang Profesor Ungku Aziz, susur galur dan salasilah beliau, ketokohan, kepimpinan serta jasa beliau kepada pembangunan Malaysia. Maklumat dalam buku ini adalah sebahagian daripada khazanah memori pengarang buku ini iaitu, Dato' Asmah Haji Omar yang begitu lama bekerja di bawah pentadbiran Profesor Ungku Aziz sebagai Naib Canselor Universiti Malaya, dari tahun 1968 hingga 1988. Khazanah ingatan ini dibantu oleh buku-buku catatan harian ketika beliau menjadi Pengarah Pusat Bahasa dan Timbalan Naib Canselor (Perjawatan), Universiti Malaya dan temu bual bersama Profesor Ungku Aziz sendiri.

Buku ini ditulis dengan gaya bahasa yang mudah difahami dalam menggambarkan Profesor Ungku Aziz sebagai sebagai seorang tokoh akademik yang ternama dan banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Buku ini dimulakan dengan

membawa pembaca mengenali latarbelakangnya, kehidupan dan kerjaya Profesor Ungku Aziz yang telah membawa beliau ke mercu kerjayanya dengan sumbangan idea untuk manfaat masyarakat keseluruhannya.

Sewaktu menerajui Universiti Malaya, beliau diberi gelaran ikon akademik oleh masyarakat. Pandangan umum terhadap kepakarannya dalam bidang ekonomi jelas tergambar dalam penulisan terutama keprihatinannya terhadap kemiskinan orang Melayu di luar bandar. Rasa empatinya terhadap masyarakat miskin serta akal budinya yang sentiasa ingin membantu menjadikan Profesor Ungku Aziz seorang tokoh yang sering dirujuk. Oleh kerana nama Profesor Ungku Aziz sebatikan dengan Universiti Malaya, maka kisah yang dipaparkan dalam buku ini sebahagian besar tertumpu kepada khidmat yang diberinya dalam menjulang universiti berkenaan.

Buku ini membicarakan khusus tentang peranan Profesor Ungku Aziz dalam hal ehwal akademik serta pengurusan universiti, menyerlahkan lagi program-program yang diusahakan oleh Profesor Ungku Aziz. Turut disentuh ialah suasana kehidupan mahasiswa dan pendekatan yang diambil oleh Profesor Ungku Aziz dalam menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Kecenderungan pengarang buku ini dalam bidang bahasa khususnya linguistik membatasi skop pembicaraan tentang karya-karya Profesor Ungku Aziz yang menjadi rujukan asas tentang kemiskinan bandar dan luar bandar, bahkan turut mempengaruhi dasar-dasar kerajaan dalam mempertingkatkan taraf hidup rakyat. Skop perbincangan buku ini menjurus kepada sumbangan dan penglibatan Profesor Ungku Aziz sebagai pejuang bahasa sebenar yang menjiwai cita-cita menjadikan bangsa Malaysia satu bangsa yang mempunyai identiti tersendiri.

Sifat dan watak Profesor Ungku Aziz yang menyerlah dalam ketokohnya berakar umbi daripada latar belakang kehidupan, pendidikan dan pelbagai pengalaman yang dilaluinya. Buku ini memberi gambaran am tentang ketokohan Profesor Ungku Aziz sebagai tokoh akademik dalam sejarah pentadbiran Universiti Malaya. Sebahagian besar tradisi-tradisi yang diasaskan beliau di Universiti Malaya telah digunapakai oleh Naib-naib Canselor selepasnya dan diubahsuai atau dikembangkan sesuai dengan

kehendak zaman. Kebijaksanaan dan daya kreativiti merupakan unsur-unsur utama dalam mencorakkan cara dan gaya kepimpinan serta pengurusan Profesor Ungku Aziz dalam menerajui Universiti Malaya. Amalan pengurusan turun padang membantu beliau memahami semua yang berlaku di dalam kampus dan juga persekitarannya.

Pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan di Universiti Malaya adalah antara legasi Ungku Aziz yang paling besar. Dalam buku ini, diperlihatkan bahawa tumpuannya bukan sahaja dalam memartabatkan soal bahasa Melayu tetapi juga memperkasakan bahasa Inggeris. Beliau mempunyai rasa empati terhadap pelajar-pelajar dari luar bandar yang ingin mencapai kemajuan pada taraf yang tinggi, tetapi menghadapi rintangan disebabkan kekurangan mereka dalam penguasaan bahasa Inggeris. Buku ini juga memperlihatkan Profesor Ungku Aziz sebagai penggerak Dasar Bahasa, baik Dasar Bahasa Kebangsaan mahupun Dasar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua.

Buku ini sangat sesuai dibaca oleh golongan remaja dan dewasa sebagai bahan rujukan yang dapat memberi inspirasi dan menjadikan beliau sebagai contoh ikon tokoh yang telah banyak meninggalkan legasi dalam bidang akademik khususnya dan pembangunan negara amnya. Menurut Profesor Ungku Aziz, kemajuan seseorang itu mestilah dicapai melalui usaha sendiri tanpa bergantung nasib kepada orang lain. Demikian juga halnya dalam mencari ilmu. Inilah nilai murni yang perlu dicontohi.

**Pengulas:**


**Zulkifli Ali**

Penolong Pengarah (K)

Bahagian Pembinaan Koleksi

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Mohd Haswazie Ismail  
**Sabarlah wahai hati**  
Shah Alam : Grup Buku Karangkrak, 2015. 189ms.  
ISBN 978-967-86-0604-2

## ULASAN

Buku ini adalah sebuah karya yang bertemakan motivasi Islam di mana ianya mengandungi 30 bab yang menyentuh tentang hubungkait hati dengan sifat sabar. Pengarangnya merupakan seorang yang berpendidikan aliran agama Islam dan kini berbakti sebagai tenaga pengajar di Kolej Vokasional Slim River Perak. Pengarang berpendirian bahawa sabar itu sesuatu yang sangat mudah diungkapkan tetapi sukar untuk dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, naskhah ini telah dikarang sebagai panduan untuk membantu pembaca mendidik hati menjadi lebih sabar dalam segala dugaan yang dihadapi. Setiap perkongsian ilmu dalam naskhah ini adalah berdasarkan ilmu pengetahuan dan pengalaman pengarang sendiri.

Inti pati buku ini ialah tentang bagaimana seseorang itu boleh mengawal hati dan perasaan agar lebih bersabar dalam setiap situasi atau masalah yang dihadapi. Dalam kehidupan seharian manusia, pasti akan hadir pelbagai bentuk cabaran dan dugaan. Mereka yang cetek ilmunya akan sukar menangani apa jua masalah dengan sifat sabar

manakala bagi yang benar-benar mengerti mengenainya maka ia dapat dilaksanakan dengan tenang dan mudah. Segala hujah tentang sifat sabar diperkukuhkan dengan ayat-ayat suci al-Quran dan juga hadis-hadis. Selain itu juga pengertian 'sabar' turut dirujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat 2005.

Naskhah yang mengandungi 30 bab ini mengajak kita untuk menghayati sifat sabar yang amat dituntut oleh agama Islam. Islam mengajar kita untuk sabar dalam setiap situasi termasuk dalam mentaati perintah Allah, menjauhi larangan Allah, menghadapi ujian dan musibah, dengan kemiskinan, dalam nikmat kekayaan, kehilangan yang tersayang, sabar seorang suami, sabar seorang isteri dan banyak lagi. Pengarang menekankan bahawa sifat sabar itu adalah digalakkan oleh setiap agama apatah lagi agama Islam yang lurus lagi benar sebagaimana firman Allah yang diturunkan di dalam surah Al-Baqarah ayat 155. Gaya penulisannya yang ringkas dan mudah difahami. Pengarang berusaha memberikan kesedaran kepada kita semua tentang kesabaran serta ganjaran yang dijanjikan oleh Allah S.W.T bagi orang-orang yang bersabar.

Pengarang turut menekankan bahawa kesabaran perlu wujud dalam setiap aspek kehidupan termasuk dalam rumah tangga dan dalam kerjaya. Manakala di akhir bab pengarang menyentuh tentang sabar dalam menahan sifat-sifat manusia itu sendiri iaitu sifat amarah dan hawa nafsu.

Buku ini sangat sesuai dijadikan bahan bacaan umum kerana ianya agak santai dan sesuai untuk semua golongan masyarakat. Ini adalah kerana buku ini menyentuh setiap kelompok masyarakat baik sebagai ibu, bapa, anak mahupun sebagai pelajar yang sedang menuntut ilmu. Ianya secara tidak langsung membawa pembaca untuk berfikir baik buruk sekiranya kita tidak dapat bersabar dalam ujian dan masalah yang dihadapi. Secara keseluruhannya, buku ini boleh dijadikan bahan bacaan yang amat berfaedah dan bermanfaat dalam mendidik jiwa-jiwa pembaca agar menjadi lebih penyabar.

**Pengulas:**

**Nur Diana Gulam Mohamad**  
Penolong Pengarah  
Pusat Bibliografi Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia



## ULASAN BUKU



Amin Harith  
**Sublet kaizen hartanah : kitab lengkap untuk  
menjadi ninja sublet hartanah**  
Puchong, Selangor : DSR Pub., 2015.  
ISBN 978-967-11833-4-2

## ULASAN

Buku *Sublet Kaizen Hartanah* ini ditulis oleh seorang ejen hartanah yang tidak asing lagi di Malaysia iaitu Amin Harith. Beliau mula berkecimpung sebagai ejen hartanah “*subletter*” semenjak tahun 2013 dan berhasrat untuk mendedahkan bidang pelaburan hartanah ini kepada orang ramai. Sungguhpun pelaburan *sublet* ini masih belum begitu meluas di Malaysia, penulis berjaya memperkenalkan bidang ini kepada pembaca dengan cara yang ringkas, padat dan jelas. Gaya bahasanya cukup mudah difahami oleh segenap lapisan masyarakat serta dapat menarik minat pembaca. Buku ini juga mengupas teknik serta cara pengendalian *sublet* dengan lebih efektif.

Penulis mendefinisikan *sublet* dengan pengertian yang cukup ringkas namun berkesan dalam penyampaiannya. *Sublet* merupakan satu kaedah ‘sewa atas sewa’ dan juga sebagai strategi pelaburan tanpa perlu membeli hartanah. Ia juga membawa maksud yang sama dengan pengurusan hartanah. *Subletter* perlu memajak rumah tersebut



dalam tempoh tertentu daripada tuan rumah dan menyewakannya kembali kepada penyewa lain yang berpotensi tinggi (prospek). Penulis juga menekankan bahawa hukum dari sudut agama tentang pengurusan hartanah ini adalah harus dengan syarat mendapat persetujuan pemilik rumah atau tuan rumah tersebut. Bakal *subletter* juga perlu celik dalam hal-hal perundangan yang berkaitan dengan bidang ini bagi mengelakkan timbulnya masalah di kemudian hari. Bidang ini juga merupakan salah satu alternatif bagi menjana pendapatan tambahan secara pasif. Selain itu, penulis menerangkan *sublet* merupakan suatu pelaburan berisiko rendah namun mampu memberi pulangan modal dengan segera seandainya *subletter* bijak mengendalikannya.

Menurut penulis, konsep *sublet* ini perlu diteliti dengan terperinci agar individu yang berminat untuk menceburi bidang ini bersedia menghadapi cabaran dan masalah yang mungkin timbul sepanjang penglibatan mereka. Ungkapan “Setiap pelaburan dan bisnes ada risiko, cuma sejauh mana anda mampu untuk menanggung risiko” merupakan peringatan pertama untuk *subletter* agar sentiasa berhati-hati dalam setiap keputusan yang diambil. Penggunaan ilustrasi yang bertepatan dengan kenyataan berkaitan memudahkan lagi pemahaman pembaca. *Subletter* juga perlu menetapkan dengan jelas dengan matlamat mereka dalam mencapai kejayaan untuk bidang ini. Penulis menggalakkan pembaca merujuk bahan bacaan tambahan dari pakar hartanah lain iaitu Dato’ Shah Razali bagi mengukuhkan pemahaman dalam soal hartanah. Selain itu, terdapat beberapa jenis *sublet* hartanah yang dikongsikan oleh penulis sebagai panduan bagi mendapatkan hartanah yang berpotensi untuk dijadikan pelaburan.

Pada asasnya, penulis menjelaskan bahawa *subletter* bertindak mencari penyewa yang berkualiti, mengutip sewa dan memastikan rumah dalam keadaan baik dan terjaga. Sebagai tambahan, penulis telah menggariskan 7 (tujuh) langkah penting bagi memulai pelaburan hartanah ini. Setiap satu langkah dihuraikan dengan tertib serta menegaskan betapa pentingnya kajian terhadap permintaan sewaan di sesuatu kawasan. Antara contoh lain yang harus diberi perhatian ialah membina data permintaan, meyakinkan tuan rumah, menyaring bakal penyewa dan membuat perjanjian bertulis dari sudut perundangan. Justeru, penting bagi pengusaha hartanah bagi mengenal pasti penyewa yang akan tinggal di unit tersebut dari segi pendapatan bulanannya, komitmen dan latar belakang keluarga penyewa agar tidak timbul kesulitan pada masa akan datang.

Kandungan buku ini juga digarap dengan kemas apabila penulis menambah penerangan mengenai 5 (lima) petanda potensi terhadap permulaan yang baik bagi menjalankan perniagaan ini. Penulis juga membongkar rahsia bagi memujuk tuan rumah agar menawarkan unit rumah kepada *subletter* melalui teknik menjawab soalan tuan rumah dengan berkesan. Ini merupakan pendedahan terhadap isu-isu yang bakal dihadapi oleh *subletter* dengan meminimumkan ketidak jangkauan sedari awal penglibatannya.

Penulis mendedahkan pada peringkat awal pembabitannya dalam pengurusan hartanah ini, beliau mengalami kerugian akibat faktor kurangnya penyelidikan terhadap permintaan penyewaan dalam kawasan tersebut. Namun begitu, beliau tetap meneruskan usaha dengan bangkit dan menjalankan kajian dengan lebih mendalam terhadap kesesuaian kawasan yang berpotensi seterusnya mengambil iktibar dari percubaan pertamanya. Penulis menerangkan hasil positif daripada usaha yang tidak pernah lekang dan menyeru prospek agar jangan sesekali serik mengendalikan sesuatu perniagaan. Segala pengalaman yang dikumpul sepanjang bidang perniagaan ini dijalankan dapat dijadikan pengajaran agar kesilapan yang sama tidak berulang. Lampiran-lampiran seperti contoh surat pajakan, borang-borang berkaitan permohonan dan kebenaran sublet disertakan supaya pembaca dapat memahami tatacara pengurusan pelaburan ini. Penulis juga berjaya mempengaruhi pembaca dengan hujah dan contoh jadual pengiraan pendapatan bagi meyakinkan pembaca tentang keuntungan yang bakal diperolehi.


Cabaran dan kelemahan sepanjang menguruskan sublet ini seharusnya dijadikan peluang bagi memperbaiki kelemahan dan kekurangan kita dalam pengurusan. Penulis mengolah prinsipnya dengan mengamalkan kaedah 'kaizen' iaitu penambahbaikan yang berterusan atau inovasi. Sekiranya ingin berjaya, kita seharusnya mencari kesempatan untuk membuat perubahan dengan cara kerja yang lebih efektif. Penulis juga menasihatkan pembaca yang berminat untuk menceburi bidang ini agar sentiasa mendalami ilmu yang berkaitan dengan mengikuti beberapa seminar atau program, tidak hanya bergantung dengan sekadar membaca buku. Melalui perkongsian ilmu, pakar *subletter* menceritakan pengalaman serta cabaran yang dilalui untuk dijadikan panduan sepanjang perjalanan perniagaan yang diusahakan.

Secara umumnya, buku ini membuka ruang dan peluang bagi individu yang ingin menjana pendapatan pasif melalui pelaburan hartanah. Ia mampu memberikan impak yang besar sebagai titik permulaan bagi individu yang ingin menceburi bidang ini. Intipati kisah-kisah yang dikongsikan menjadi pedoman dan panduan bagi membakar semangat pembaca agar berani memilih sesuatu bidang yang tidak begitu mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia. Kupasan isu yang tepat serta hal-hal berbangkit berkaitan bidang hartanah ini dapat membuka mata pembaca mengenai potensi yang selama ini tidak disedari oleh orang ramai. Buku ini juga layak dijadikan 'kitab' wajib bagi pengusaha pengurusan hartanah sebagai permulaan bagi mengorak langkah ke suatu bidang yang berpotensi tinggi dan mampu menjadi inspirasi buat pembacanya. Sesungguhnya pelaburan hartanah ini mampu menjana kewangan serta menyihatkan aliran tunai bagi pendapatan sesebuah isi rumah dalam memangkin ekonomi negara tanpa menolak kepentingan mematuhi syariah.

**Pengulas:**

**Noorul Faedzah binti Rosli**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pembinaan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Arumugam Raman  
**Tun V.T Sambanthan pembela masyarakat India di  
Malaysia**

Sintok, Kedah : Penerbit Universiti Utara Malaysia,  
2015. 131ms.  
ISBN 978-967-0876-14-6

## ULASAN

Buku ini ditulis oleh Arumugan Raman untuk mendokumenkan riwayat hidup salah seorang tokoh yang amat berjaya dalam politik Malaysia iaitu Tun V.T. Sambanthan. Penulisan tentang tokoh ini telah berjaya menambahkan lagi sumber rujukan tentang sejarah politik tanah air dan dan sebagai satu dokumen sejarah perkembangan sosio-politik masyarakat india untuk rujukan generasi kini dan akan datang.

Maklumat yang terkandung dalam buku ini diperolehi dari kajian berdasarkan sumber yang berautoriti. Kajian penulis merangkumi hasil temu bual dengan penulis yang pernah menghasilkan biografi Tun Sambanthan iaitu Cik Ummudevi dan juga sumber rujukan Arkib Negara Malaysia bagi gambar-gambar dan ilustrasi supaya lebih menarik minat pembaca.

Melalui pembacaan buku ini, pembaca dapat mengenali lebih lagi Tun Sambanthan dan

perjuangan beliau dalam politik tanah air dan sumbangan beliau terhadap masyarakat India di Malaysia. Buku ini menggarap riwayat hidup tokoh ini bertitik tolak dari saat kelahiran hingga persaraan beliau dari arena politik tanah air. Buku ini turut memuatkan latar belakang dan susur galur kehidupan keluarga Tun Sambanthan yang telah mempengaruhi beliau sehingga berjaya menempa nama dalam politik tanah air.

Tun Sambanthan sebagai pemimpin dan pejuang nasib orang India di negara ini terserlah apabila beliau terpilih sebagai Presiden MIC yang kelima, wakil masyarakat India dalam pentadbiran negara apabila dilantik sebagai salah seorang Menteri Kabinet serta sebagai pengasas koperasi NLFCS (National Land Finance Co-operative Society). Melalui perjuangan beliau, MIC telah berjaya diambil alih oleh kaum majoriti Tamil yang sebelum ini dipinggirkan oleh pemimpin elit Ceylon, Punjabi dan elit Tamil. Jasa Tun Sambanthan juga telah menjadikan beliau disegani dalam masyarakat dan memenangi kembali hati pekerja ladang apabila berjaya menubuhkan koperasi yang lebih dikenali sebagai NLFCS. Tujuan penubuhan koperasi tersebut adalah bagi menyelamatkan ladang-ladang getah daripada penjajah Barat apabila Persekutuan Tanah Melayu telah diberi kemerdekaan.

Puncak perjuangan politik Tun Sambanthan adalah apabila beliau dilantik sebagai Menteri Kabinet Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di mana beliau telah menjawat jawatan Menteri penuh dari tahun 1955 sehingga tahun 1974. Di antara Kementerian yang pernah diterajui oleh beliau ialah Kementerian Buruh, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja, Pos dan Telekomunikasi serta Kementerian Perpaduan.

Untuk mengenali tokoh ini dengan lebih mendalam, maka para pembaca disyorkan membaca buku ini. Buku ini amat sesuai sebagai bacaan umum kerana menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami dan sesuai dijadikan bahan rujukan oleh para pelajar bagi mengenali tokoh-tokoh negara yang amat berjasa dengan lebih dekat dan mengetahui dengan lebih mendalam tentang liku-liku perjuangan kemerdekaan negara.

**Pengulas:**

**Mohd Hafiz Salim**  
Penolong Pengarah  
Pusat Penyerahan Terbitan Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

## SINOPSIS BUKU



Hisham Fauzi  
**7 langkah menjana  
pendapatan melalui you  
tube**  
Petaling Jaya : True Wealth,  
2015. 204ms.  
ISBN 978-967-416-055-5

Buku ini mengupas cara-cara menjalankan perniagaan Internet menggunakan YouTube. Pembaca dapat mempelajari rahsia kejayaan usahawan internet menjana pendapatan menggunakan YouTube. Selain itu, buku ini juga menyingkap rahsia serta pelbagai teknik dan langkah bagi membantu dalam menjana pendapatan. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh pembaca gunakan untuk menjalankan perniagaan internet seperti membina laman web, menulis blog, menggunakan media sosial, menggunakan video atau boleh menggabungkan kesemua kaedah tersebut. Melalui buku ini juga pembaca dapat mempelajari cara-cara menjalankan perniagaan internet menggunakan video yang mempunyai potensi untuk mengaut keuntungan melalui perniagaan internet menggunakan video yang dimuat naik di YouTube.




## SINOPSIS BUKU



Fakhri Abul Faiq Al-  
Minangkabawi  
**7 sunnah membawa syafaat**  
Kuala Lumpur : Mustread,  
2015. 149ms.  
ISBN 978-967-0716-26-8

Sunnah Rasulullah S.A.W. merupakan teladan dan ajaran Rasulullah S.A.W. kepada umat manusia tentang pelbagai hal dalam kehidupan merangkumi ibadah, akhlak, dan akidah. Tujuh amalan sunnah ini ialah solat tahajjud di malam hari, berpuasa sunat, mengamalkan solat dhuha, bersedekah, berselawat, membaca Al-Quran dan mengamalkan solat jemaah. Buku ini turut menerangkan tentang kelebihan bagi sesiapa yang mengamalkan sunnah-sunnah Rasulullah S.A.W. Setiap sunnah yang diamalkan akan memperolehi kebaikan bukan sahaja di dunia, bahkan juga di akhirat kelak. Tambahan pula, amalan harian ini adalah mudah untuk diamalkan dalam kehidupan harian. Buku ini bermanfaat kepada kita semua dalam usaha menuju jalan yang diredhai Allah S.W.T


## SINOPSIS BUKU



Anas Mohd Yunus  
**Ada apa dengan solat?**  
Batu Caves, Selangor : Must  
Read, 2015. 111ms.  
ISBN 978-967-0716-51-0

Buku ini membincangkan tentang ibadah solat iaitu kehebatan dan keistimewaan solat, wuduk dan azan yang berkait rapat dengan solat, aplikasi teknik dan kaedah yang boleh membantu solat kita menjadi lebih khusyuk. Ianya lebih merupakan panduan untuk kita memantapkan lagi solat fardhu dan kepentingan solat jemaah bagi mereka yang sentiasa berusaha untuk menambah nilai kepada kesempurnaan solat. Apabila solat yang mantap diamalkan dalam solat jemaah, fadilatnya sangat besar, bukan hanya sekadar kepada diri sendiri, bahkan kepada masyarakat dan ummah secara umumnya. Buku ini amat bermanfaat untuk kita semua bagi memastikan solat dilaksanakan dengan sempurna.


## SINOPSIS BUKU



Abdul Jalil Ali, Datuk  
**Asam pedas sirap  
bandung**  
Shah Alam : Grup Buku  
Karangkraf, 2015. 267ms.  
ISBN 978-967-86-0552-6

Buku ini merupakan sebuah catatan ikhlas dari perspektif seorang lelaki yang dalam kerjaya beliau telah berdamping rapat dengan wanita. Beliau ialah Datuk Abdul Jalil Ali yang telah menghasilkan buku ini khas untuk wanita. Hasil pengalaman sehingga berusia 60 tahun, bekerjasama dengan wanita di dalam dan luar negara dalam pelbagai tugas memberinya peluang untuk mencatat seribu satu perangai mereka. Selama berkecimpung dalam dunia kewartawanan, salah satu kegemaran Datuk Abdul Jalil Ali ialah mengenali wanita dari segi gaya dan gelagat mereka yang menurutnya amat menarik dan mendatangkan ilham.

## SINOPSIS BUKU




Mohd Nasarudin Ali  
**Asas pengurusan  
pembinaan**  
Petaling Jaya : IBS Buku,  
2015. 177ms.  
ISBN 978-967-950-326-5

Bagi mereka yang menceburi bidang pembinaan, buku ini memberikan maklumat yang dapat membantu dalam memahami konsep sebenar pengurusan pembinaan di Malaysia, iaitu bermula dari tahap pra-pembinaan hinggalah ke pasca-pembinaan. Terdapat tiga perkara pokok yang perlu difahami dalam industri pembinaan iaitu pra-pembinaan, pembinaan dan pasca-pembinaan. Penulisan buku ini difokuskan kepada pengurusan pembinaan, khususnya program kerja yang disebut sebagai bina sempurna.




## SINOPSIS BUKU



Sabariah Hassan &  
Kamaruddin P. Mohd.  
**Bahasa Melayu komunikasi  
perundangan**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
351ms.  
ISBN 978-983-46-1840-7

Tradisi penggunaan bahasa Melayu dalam undang-undang telah berlangsung di negara ini sejak zaman dahulu lagi. Bagi memperkasakan lagi tradisi ini, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menghasilkan buku ini bagi membantu pelajar undang-undang yang mengikuti kursus perundangan melalui perantaraan bahasa Inggeris. Dalam profesion kepeguaman dan kehakiman di Malaysia, penggunaan bahasa Melayu telah ditetapkan melalui Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 khususnya dalam penyediaan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan jabatan Kerajaan. Buku ini mengambil pendekatan sosiolinguistik iaitu mengaitkan ilmu bahasa dengan peranannya dalam masyarakat. Dimuatkan juga perkara yang menyentuh aspek peristilahan, laras bahasa, bentuk dan makna serta fungsinya mengikut konteks dan situasi. Turut ditekankan tentang panduan menyediakan bahan penulisan yang berkaitan mahkamah seperti penulisan surat rasmi, minit mesyuarat dan panduan menghadapi temu duga bagi kerjaya kepeguaman. Kandungan buku ini akan banyak membantu peguam dalam aspek penggunaan bahasa Melayu dalam kerjaya mereka.

## SINOPSIS BUKU



Ariffin Omar  
**Bangsa Melayu : konsep  
bangsa Melayu dalam  
demokrasi dan komuniti  
1945-1950**

Petaling Jaya : Strategic  
Information and Research  
Development Centre, 2015.


318ms.

ISBN 978-967-0630-44-1

Tempoh selepas Perang Dunia Kedua amat kritikal dalam pembinaan semula masyarakat Asia Tenggara. Masyarakat Melayu juga tidak ketinggalan dalam mempertahankan identiti bangsa dalam arus perubahan tersebut. Cabaran tersebut membuatkan masyarakat Melayu mencari idea baharu bersama dengan sikap yang berkaitan dengannya. Ini merupakan hasil kajian tentang ideologi politik dan identiti masyarakat Melayu dalam arus pergolakan di rantau, iaitu di Tanah Melayu dan Sumatera Timur. Meski pun dalam situasi tersebut, masyarakat di Tanah Melayu tetap berpegang kepada prinsip kesetiaan dan kemasyarakatan. Sementara itu, kedatangan satu republik Indonesia yang lengkap telah menyebabkan kejatuhan sistem monarki di Sumatera Timur.




## SINOPSIS BUKU



Buku ini merupakan sebuah buku resepi masakan yang disampaikan dalam bentuk novel. Ia adalah sebuah karya yang menceritakan tentang semua hasil karya yang pernah dikarang oleh penulis, di samping turut memuatkan resepi dan petua-petua masakan yang diwarisi daripada keluarga. Buku ini turut mengangkat seni masak-memasak Melayu yang dipengaruhi pelbagai bangsa dan negara, dipindahkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Buku ini turut disertai ilustrasi dan panduan langkah demi langkah bagi yang berminat untuk mencuba.

Noor Suraya  
**Dapur Mak Cik Raja**  
Kajang, Selangor : JS  
Adiwarna Publications &  
Distributors, 2015. 331ms.  
ISBN 978-967-0757-08-7


## SINOPSIS BUKU



Nazim Mohd Subari  
**Gurindam warisan ibunda**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa & Pustaka, 2015.  
106ms.  
ISBN 978-983-49-0190-5

Gurindam merupakan salah satu genre sastera yang diwarisi oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu. Buku ini menghimpunkan 100 buah gurindam hasil nukilan Nazim Mohd Subari yang menggunakan la menjadikan Gurindam Dua Belas Fasa karya Raja Ali Haji sebagai model dalam penulisan gurindam yang dihasilkan. Gurindam ini dikategorikan dalam empat bahagian, iaitu harga diri, warisan ibunda, memperkasa bahasa dan kemanisan iman. Buku ini dihasilkan untuk memartabatkan genre puisi ini, menambahkan lagi jumlah buku gurindam demi mempertingkatkan mutu kreativiti dan kepelbagaian dalam penciptaan dan penghayatan puisi tradisional. Mesej yang cuba disampaikan melalui buku ini juga amat sesuai dengan sasaran pendidikan semasa, iaitu menyemaikan unsur nilai-nilai murni dan nasihat kepada generasi muda dalam menjalani kehidupan. Pemilihan diksi yang menarik, indah dan kreatif telah menjadikan gurindam ini lebih istimewa untuk dihayati.

## SINOPSIS BUKU




Syed Ismail Syed Mustapa  
dan Ahmad Subki Miskon  
**Guru dan cabaran semasa**  
Petaling Jaya, Selangor :  
SASBADI, 2015. 354ms.  
ISBN 978-983-59-7854-8

Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan negara. Pendidikan dan perguruan merupakan aspek yang signifikan bagi menjamin kegemilangan sesebuah negara. Justeru itu, buku ini telah diterbitkan sebagai rujukan dan kegunaan para pensyarah, pelajar IPGM, guru-guru dalam perkhidmatan, pelajar universiti dan termasuklah institusi pengajian yang lain. Buku ini memfokuskan perbincangan tentang cabaran pendidikan semasa yang perlu dihadapi oleh warga pendidik. Kandungan buku yang terancang ini adalah mesra pembaca dan mampu membantu bakal guru serta guru terlatih dalam melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran dunia keguruan. Di akhir setiap bab juga disediakan soalan berserta jawapan bagi tujuan kefahaman yang lebih berkesan untuk setiap isu yang dibincangkan.




## SINOPSIS BUKU



Fauziah, Maliha  
**Ibadah harian bernilai  
syurga. Ed. bahasa  
Melayu**  
Batu Caves, Selangor : Al-  
Hidayah House of  
Publishers, 2015. 158ms.  
ISBN 978-967-439-192-8

Ibadah dari segi bahasa bermaksud merendahkan diri serta tunduk, yakni taat kepada Allah S.W.T dengan melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semua perkara yang dilakukan dan diniatkan untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t dinilai sebagai ibadah yang mencakupi seluruh tingkah laku seseorang mukmin. Buku ini mengupas dengan lebih terperinci mengenai keistimewaan dan keajaiban ibadah-ibadah ini. Pembaca pasti akan teruja dan rasa bersemangat untuk melaksanakan ibadah wajib mahu pun sunat selepas mengetahuinya dengan lebih mendalam melalui buku ini. Mengandungi penjelasan tentang ibadah seharian dalam kehidupan kita. Bermula dari seawal pagi sehingga waktu tidur menjelang lewat malam. Harus diingat, tujuan hakiki manusia dicipta adalah untuk beribadah.


## SINOPSIS BUKU



Abdul Razak Mahmud  
**Ikhtisar sejarah Kelantan**  
Kota Bharu : Majlis Agama  
Islam & Adat Istiadat Melayu  
Kelantan, 2015. 282ms.  
ISBN 978-983-2391-22-7

Negeri Kelantan yang pernah berada di bawah kerajaan Siam pada masa dahulu, bergelar 'Darul Naim' atau bermaksud *Negeri Penuh Nikmat*. Atas kesedaran penulis untuk mengetengahkan serta mempertahankan sejarah dan intelek warisan negeri, maka terhasillah buku Ikhtisar sejarah Kelantan. Buku ini menyajikan aspek sejarah politik dan perubahan sosial yang berlaku sejak dahulu sehingga sekarang. Ianya ditulis khusus bagi menambah maklumat serta bertujuan untuk memahami citra budaya sebuah negeri yang sangat unik ini. Dimulai dengan pengenalan dan sejarah awal negeri, susur-galur kesultanan Kelantan, peristiwa-peristiwa penting, tempat-tempat bersejarah dan tokoh-tokoh ulama yang memartabatkan pendidikan Islam pada masa dahulu. Pastinya buku ini mampu memenuhi keperluan para pelajar dan orang ramai dalam usaha mengetahui sebuah negeri yang masa lampaunya lebih banyak terkait dengan Champa dan Patani.

## SINOPSIS BUKU



Shamsuddin Suhor  
**Isu dan undang-undang  
alam sekitar di Malaysia**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
398ms.  
ISBN 978-983-46-1552-9

Masyarakat Malaysia perlu memahami dan menghayati aspek perundangan alam sekitar dalam menangani isu alam sekitar dengan berkesan. Bagi tujuan tersebut, buku ini dihasilkan bagi memberi lakaran sejarah ringkas perkembangan undang-undang berkaitan alam sekitar di negara ini. Turut disentuh ialah sumber-sumber perundangan asas bagi alam sekitar, antaranya Dasar Alam Sekitar Negara, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan berkaitan Pengurusan dan Pengawal Pencemaran. Pembaca turut didedahkan tentang gerak tindakan perundangan yang diambil apabila berhadapan dengan isu alam sekitar seperti peruntukan undang-undang untuk kawalan pencemaran dan peranan undang-undang apabila berhadapan dengan isu-isu alam sekitar di negara ini. Karya ini bukan sahaja hanya sesuai sebagai rujukan bagi pelajar-pelajar yang mengikuti kursus berkaitan perundangan alam sekitar, malahan perlu dihayati oleh masyarakat umum kerana alam sekitar sangat berkait rapat dengan manusia dalam kehidupan seharian.




## SINOPSIS BUKU



Abdullah Hussin  
**Jom masuk syurga!**  
Batu Caves, Selangor :  
Must Read, 2015. 146ms.  
ISBN 978-967-0716-35-0

Buku ini menginspirasi pembaca untuk tabah dan seronok bermujahadah demi mencapai syurga, menceritakan apa itu kelebihan syurga, malah memberi panduan bagaimana untuk mencapainya dengan berpandukan nas yang sahih dan contoh daripada para sahabat Nabi Muhammad S.A.W. yang mulia. Sebagai seorang Islam, kita mesti menyerahkan diri semata-mata kepada Allah S.W.T. Berusaha untuk tunduk dan patuh dalam mengerjakan perintah dan meninggalkan larangan-Nya. Buku ini juga membawa pembaca kepada Allah S.W.T. dalam gaya santai dan dekat di hati masyarakat. Tip dan ciri-ciri seorang mukmin sejati diterjemahkan dalam bahasa yang mudah, kiasan yang tepat serta contoh-contoh yang bersesuaian. Buku ini seharusnya dimiliki dan dihadami oleh semua lapisan masyarakat khususnya anak-anak muda dalam usaha menjadi mukmin soleh yang mendamba syurga Allah S.W.T.


## SINOPSIS BUKU



Haron Din, Dato', Mokhtar Kassan dan Azizan Ramly  
**Kaedah merawat saka**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Millenia, 2015. 86ms.  
ISBN 978-967-411-300-1

Saka adalah makhluk halus yang diwarisi daripada leluhur seperti ayah, nenek, atau datuk dalam keadaan sedar ataupun tidak. Saka atau jin yang diwarisi kebiasaannya memerlukan waris bagi memberi makanan atau persembahan kepadanya. Makhluk ini kemudiannya diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi berikutnya apabila waris mengabaikannya. Ini mungkin terjadi kerana leka atau waris tidak mengetahui kewujudannya. Buku ini bertujuan memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang saka dan permasalahan saka serta kewujudan saka yang telah membelenggu masyarakat pada masa kini. Kaedah rawatan yang dibincangkan dalam buku ini adalah kaedah rawatan oleh pengamal perubatan Islam. Pelbagai pengalaman mengubat saka turut dimuatkan dalam buku ini.

## SINOPSIS BUKU




Syed Ismail Syed Mustapa,  
Ahmad Subki Miskon & Aliza  
Adnan

**Kemahiran belajar**  
Petaling Jaya : SASBADI,  
2015. 210ms.  
ISBN 978-983-59-7855-5

Setiap insan di dunia ini perlu mempunyai kemahiran untuk mengemudi kehidupan harian. Sebagai seorang pelajar, kemahiran belajar adalah suatu kemestian supaya pelajar dapat mengurus masa dengan baik dan mengatasi kelemahan dalam proses pembelajaran dengan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam memperbaiki kelemahan diri. Menguasai kemahiran dan pengetahuan serta pembentukan sikap seseorang pelajar itu merupakan perkara penting dalam proses pembelajaran kerana setiap individu pelajar mempunyai kelebihan yang tersendiri. Buku ini memberi panduan kepada bakal guru, teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang berkesan agar ianya memberi impak yang positif kepada pelajar. Oleh itu, penulis menyarankan kepada pelajar agar menguasai sifat positif dalam belajar dan menguasai kaedah belajar yang berkesan.



## SINOPSIS BUKU



Roshan Thiran  
**Kembara kepimpinan**  
Petaling Jaya : MPH Group  
Pub, 2015. 162ms.  
ISBN 978-967-415-291-8

Demi menunaikan hasratnya untuk mengajar kepimpinan tanpa batasan dengan cara yang praktikal dan senang difahami, penulis telah menterjemahkan sepenuh pengalamannya yang luas dalam bidang kepimpinan dalam buku ini. Penulis percaya bahawa setiap individu mampu menjadi seorang pemimpin. Kepimpinan yang sah adalah kunci kepada kejayaan dalam semua bidang. Kandungan buku ini mendedahkan kepimpinan yang sebenar dan bagaimana untuk mencapai tahap daya kepimpinan yang tinggi dalam kehidupan. Ia turut mengutarakan pelan hala tuju kepimpinan yang baik dan praktikal untuk mereka yang berhasrat menjadi pemimpin. Tidak hanya terhad kepada teori kepimpinan yang kompleks, tetapi kefahaman mengenai kepimpinan yang unik seperti pengalamannya sebagai pemimpin dalam dunia korporat, rumah tangga dan di peringkat komuniti turut dipaparkan untuk tatapan pembaca bagi memulakan kembara kepimpinan mereka sendiri. Jelas sekali buku ini adalah mengenai wawasan-wawasan baru, yang seharusnya dibaca dan dihayati bagi mereka yang bercita-cita menjadi pemimpin yang berinspirasi dan berwawasan.

## SINOPSIS BUKU




**Ikmalhisam Hj. Daroji**  
**Kesihatan diri dan**  
**kecergasan**  
Petaling Jaya : SASBADI,  
2015. 256ms.  
ISBN 978-983-59-7847-0

Kesihatan diri dan kecergasan merupakan aspek kehidupan yang perlu diberi perhatian serius. Buku ini boleh membantu meningkatkan kefahaman serta pengetahuan pembaca tentang kesihatan dan kecergasan. Mengandungi teori dan maklumat asas tentang aspek-aspek utama dalam kesihatan dan kecergasan diri yang merupakan elemen penting dalam merealisasikan keseimbangan aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Justeru itu, buku ini disediakan untuk kegunaan semua pelajar yang mengikuti program Pendidikan Jasmani atau Sains Sukan di Institut Pendidikan Guru serta pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam atau swasta.



## SINOPSIS BUKU




**Komunikasi & media dari  
perspektif Islam : konsep  
& amalan**

Bangi, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2015. 265 ms.  
ISBN 978-967-412-300-4

Komunikasi sebagai satu bidang disiplin ilmu yang bersifat dinamik. Ia boleh menerima perubahan untuk disesuaikan dengan keperluan masyarakat setempat. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama, peranan komunikasi sebagai penghubung dalam mewujudkan persefahaman cukup penting. Buku ini cuba menggarap dan menggali khazanah falsafah dan pemikiran Islam berkaitan komunikasi melalui sumber al-Quran dan al-Sunnah. Buku ini juga cuba mengisi kelompongan dalam memahami komunikasi dari perspektif Islam. Justeru sebagai agama yang universal dan bersifat meraikan kesejahteraan sejagat, panduan dan ajaran Islam berkaitan komunikasi perlu diketengahkan berasaskan falsafah dan amalan yang unggul. Buku ini juga membicarakan idea falsafah dan dasar komunikasi berpendekatan Islam Hadhari dengan menumpukan kepada persoalan teori dan amalan komunikasi semasa. Buku ini sesuai untuk bacaan komuniti institut pengajian tinggi dan juga masyarakat umum.


## SINOPSIS BUKU



Azmi Sarriff  
**Mengurus terapi ubat  
anda**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
193ms.  
ISBN 978-983-49-0075-5

Pada masa kini, terdapat pelbagai jenis ubat yang beraneka warna, saiz dan bentuk. Terdapat lambakan ubat di pasaran yang didakwa mampu mengubat penyakit-penyakit tertentu yang dijual secara meluas dan disasarkan kepada semua peringkat masyarakat bagi mengubati pelbagai jenis masalah kesihatan. Fokus utama kandungan buku ini adalah untuk membincangkan tentang terapi ubat, iaitu memastikan bahawa setiap ubat mempunyai indikasi yang jelas, memilih ubat yang sesuai, mengambil ubat pada masa yang tepat, dan mencapai hasil terapi yang diinginkan. Buku ini menyediakan panduan umum bagi membantu pesakit yang memerlukan ubat-ubatan agar berpengetahuan dan berkemahiran ketika menggunakan ubat-ubatan yang bermutu dan selamat agar tidak terdedah kepada masalah terapi ubat.

## SINOPSIS BUKU




Dayang Maryama Awang  
Daud  
**Nutrisi sukan**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
358ms.  
ISBN 978-983-46-1428-7

Nutrisi sukan mengaitkan hubungan antara pemakanan, aktiviti fizikal dan prestasi atlit serta melibatkan aplikasi pengetahuan nutrisi dalam bentuk amali harian rancangan pemakanan. Nutrisi begitu penting kepada prestasi atlet dan mereka yang terlibat dalam aktiviti fizikal. Pendekatan perbincangan yang digunakan di dalam buku ini sangat menarik dan ringkas. Ini membolehkan pembaca memahami konsep nutrisi dengan mudah sebelum mereka diperkenalkan kepada perkara yang lebih kompleks. Perbincangan dimulakan dengan pengenalan setiap nutrien, perbezaan keperluan dan fungsinya. Seterusnya buku ini dapat dijadikan panduan oleh pendidik, jurulatih dan atlet tentang peranan dan fungsi setiap nutrien dalam aktiviti fizikal dan juga bagaimana pentingnya setiap nutrien dalam peningkatan prestasi atlet. Buku ini mengandungi panduan pengambilan setiap nutrien tenaga serta latihan pengambilan dan adaptasinya serta peranan suplemen dan bantuan ergogenik dalam meningkatkan prestasi fizikal. Secara kesimpulannya, buku ini bukanlah hanya teori semata-mata, tetapi lebih berbentuk aplikasi nutrisi dalam sukan.




## SINOPSIS BUKU



Zailiani Taslim  
**Pahlawan Adnan**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
221ms.  
ISBN 978-983-49-0179-0

Leftenan Adnan adalah tokoh pejuang tanah air yang tiada tolok bandingnya. Novel ini mengisahkan kehidupan beliau dari zaman kanak-kanak, remaja, dewasa dan perjuangan beliau sehingga ke titisan darah terakhir demi ibu pertiwi. Keperibadian dan didikan ibu bapa telah mencorakkan kehidupan Adnan untuk menabur bakti kepada ibu pertiwi yang tercinta dengan kerjayanya dalam bidang ketenteraan. Sikap kepahlawanan Leftenan Adnan terserlah sejak dari alam kanak-kanak dan remaja. Justeru, beliau telah menyertai angkatan tentera apabila umurnya telah cukup dewasa sehingga berjaya dilantik sebagai Leftenan Muda. Apabila Perang Dunia Kedua meletus, Leftenan Adnan telah diberi kepercayaan memimpin dua buah batalion Askar Melayu untuk mempertahankan Singapura daripada ditawan oleh tentera Jepun. Pasukan tersebut telah berjuang habis-habisan dan tidak menyerah kalah hingga ke titisan darah yang terakhir. Pertempuran tersebut turut mengorbankan Leftenan Adnan yang ditawan dan diseksa oleh tentera Jepun.

## SINOPSIS BUKU




Zainal Kassan & Suhaila  
Abdullah  
**Pendidikan disleksia**  
Petaling Jaya : Sasbadi,  
2015. 277ms.  
ISBN 978-983-59-7866-1

Pendidikan bagi kanak-kanak Disleksia memerlukan pendekatan dan teknik khusus. Buku ini merupakan rujukan dalam aspek Pendidikan Disleksia dan Masalah Pembelajaran Murid Disleksia. Topik-topik yang terkandung dalam buku ini merangkumi kepada enam bahagian utama, iaitu Pendidikan Pemulihan (Disleksia), Guru Permulaan dan Murid Disleksia, Masalah Pembelajaran Murid Disleksia, Pentaksiran dan Penilaian Murid Disleksia, Kaedah Pengajaran, dan Pengurusan Program Disleksia. Selain itu, aspek menangani disiplin dan pengurusan tingkah laku murid-murid Disleksia juga dibincangkan dalam buku ini. Buku ini merupakan sumber rujukan utama bagi kursus perguruan di IPG, IPTA, IPTS dan dapat dijadikan panduan umum kepada khalayak pembaca bagi memahami secara jelas masalah pembelajaran kanak-kanak Disleksia serta cara menanganinya melalui pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengikut aras dan keupayaan kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran spesifik Disleksia ini.



## SINOPSIS BUKU



### **Penerbitan jurnal berimpak tinggi di Malaysia**

Tanjong Malim, Perak :  
Penerbit UPSI, 2015.  
190ms.

ISBN 978-967-0924-04-5

Jurnal berimpak tinggi memuatkan makalah-makalah berkualiti yang asli, membawa perspektif baru dan diterbitkan oleh penerbit-penerbit antarabangsa seperti Routledge, Elsevier, Springer, Oxford University Press, NUS, Nias, Scopus dan Cambridge University Press. Melalui buku ini, penulis berkongsi ilmu dan pengalaman dalam melahirkan artikel yang bermutu untuk diterbitkan dalam indeks antarabangsa. Di antara aspek yang ditekankan ialah tentang penulisan makalah untuk jurnal, kejayaan sesebuah jurnal, sistem pengurusan jurnal dan penggunaan bahasa yang berkesan dalam penulisan makalah. Bagi melahirkan penulisan untuk jurnal berimpak tinggi seseorang itu perlu ada kemahiran dan disiplin yang tinggi. Beberapa kriteria dan syarat perlu dinilai dan dipatuhi sebelum sesuatu makalah itu diterbitkan. Buku ini juga berkongsi dengan pembaca akan rahsia kejayaan menulis untuk jurnal berimpak tinggi. Kayu ukur bagi hasil penyelidikan sesebuah jurnal berimpak tinggi itu diiktiraf ialah dengan melihat jumlah orang yang membuat petikan, sebutan atau sitasi kepada makalah yang dimuatkan.


## SINOPSIS BUKU



**Perancangan dan  
pembangunan komuniti**  
Sintok, Kedah : Penerbit  
UUM, 2015. 245ms.  
ISBN 978-967-0876-10-8

Buku ini membincangkan tentang program-program pembangunan komuniti yang dilaksanakan untuk sesuatu komuniti terpilih. Fokus perbincangan menumpukan kepada aspek sumbangan dalam bidang sosiologi, psikologi dan kerja sosial terhadap pembangunan komuniti. Beberapa program yang dijalankan melibatkan bantuan kebajikan terhadap komuniti miskin, program ICT, pembangunan komuniti Orang Asli serta pemulihan dalam komuniti yang melibatkan penagih dadah, pesakit mental dan remaja bermasalah. Buku ini sesuai dibaca bagi mereka yang terlibat dalam pembangunan kemasyarakatan seperti pengkaji komuniti, pensyarah, pelajar IPT, perancang bandar dan luar bandar, pihak badan bukan kerajaan (NGO), pengamal kerja sosial dan pembuat polisi.


## SINOPSIS BUKU



Menjadi seorang pelabur yang berjaya bukannya mudah, ianya menuntut seseorang itu menguasai ilmu pelaburan sebagaimana yang dilakukan oleh pelabur-pelabur yang berjaya. Penulis cuba memberi motivasi kepada pembaca dengan menampilkan tokoh-tokoh pelabur yang berjaya dengan cemerlang seperti Warren Buffett, Ken Fisher, Peter Lynch, Benjamin Graham, dan beberapa orang lain lagi. Pelbagai kaedah dan panduan oleh tokoh-tokoh pelabur berjaya ini turut dikongsikan melalui penulisan ini.

RAZALI RAZMAN  
**Petua pelabur tersohor :**  
**panduan pelaburan tokoh**  
**terkemuka dunia saham**  
Petaling Jaya : TrueWealth,  
2015. 147ms.  
ISBN 978-967-416-054-8

## SINOPSIS BUKU



Buku ini menjawab persoalan-persoalan semasa dan rumah tangga yang sering dihadapi oleh umat Islam dalam menempuh kehidupan. Soalan-soalan yang dimuatkan merupakan kompilasi persoalan yang dikemukakan kepada Ustaz Kazim Elias. Segala persoalan dirungkaikan dan diberikan jawapan yang padat dan mudah difahami dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis. Persoalan yang dikemukakan merangkumi aspek akidah, ibadah, keperibadian, mendidik anak, akhlak, fesyen, aurat, perhiasan lelaki, hubungan suami isteri, perhubungan keluarga, pergaulan dalam masyarakat, zina dan seks.


Kazim Elias, Datuk  
**Q&A bersama Ustaz  
Kazim Elias : perihal  
keluarga**

Petaling Jaya : Galeri Ilmu,  
2015. 236ms.

ISBN 978-983-097-528-3



## SINOPSIS BUKU



Raja Safuan, Rahman Basri  
& Zahrul Azua  
**Rahsia pemasaran  
database : membongkar  
strategi jutawan  
meledakkan jualan di  
internet**  
Bandar Baru Bangi,  
Selangor : ABC Tech  
Solution, 2015. 126ms.  
ISBN 978-967-13096-0-5

Perniagaan kecil dan sederhana sering mengalami jangka hayat perniagaan yang pendek. Menurut kajian, perniagaan yang baru dimulakan paling lama hanya dapat bertahan selama tiga (3) tahun sahaja malah yang tidak sampai setahun juga banyak berlaku. Untuk menghasilkan jualan yang berterusan dan jangka hayat perniagaan yang panjang maka kita perlukan satu aset penting dalam perniagaan iaitu rekod jualan dan pemasaran dalam bentuk 'database'. Adalah amat merugikan bagi perniagaan yang tidak mempunyai satu 'database' perniagaan yang membolehkan sesuatu syarikat melakukan penjualan berulang dan sebagainya. Merangka strategi dengan adanya 'database' dalam pemasaran membolehkan syarikat mengkaji permintaan dalam pasaran, pelanggan yang berpotensi, membina jenama serta kredibiliti pasaran.



## SINOPSIS BUKU



Sharhan Safie  
**Servis hati**  
Batu Caves, Selangor :  
Pustaka Al-Ehsan, 2015.  
277ms.  
ISBN 978-967-0482-58-3

Setiap penyakit akan ada ubatnya. Penyakit yang paling sukar diubati adalah penyakit hati manusia. Jika hati manusia sudah sakit dan pemilik hati tersebut tidak tahu bahawa hatinya berpenyakit maka sukar untuk diubati. Tetapi jika pemilik hati tahu dia sedang sakit dan berusaha untuk mencari penawarnya maka ianya satu petanda bahawa ubat yang dicari akan ditemui dan insya Allah hati tersebut akan dapat diubati dan akan mengalami penyembuhan. Hati merupakan asas yang sangat penting dan tersembunyi dalam diri setiap insan. Ia memainkan peranan yang sangat besar dalam kehidupan seharian. Jika hatinya baik maka baiklah segala perbuatannya. Andai hatinya buruk dan busuk, maka segala perbuatannya akan jahat dan keji. Buku ini mengandungi cara dan rawatan hati yang perlu dilakukan supaya hati pembaca dapat dirawat dan terhindar daripada penyakit.

## SINOPSIS BUKU



**Suara bicara : fragmen  
Memoir Said Zahari**  
Petaling Jaya : Pusat Sejarah  
Rakyat, 2015. 249ms.  
ISBN 978-967-0630-80-9

Buku ini merupakan fragmen memoir Said Zahari yang dikenali dengan Pak Said, yang mengandungi karya beliau serta wawancara dengannya; ia juga sekaligus sebuah festschrift atau karya penghormatan untuk beliau daripada kawan-kawan termasuk anak-anaknya. Seperti dua buah memoir Pak Said sebelum ini, apa yang terpancar dalam buku ini ialah watak beliau yang penuh optimisme, tidak boleh ditundukkan oleh penjara, seksaan dan penghinaan, juga tidak boleh ditundukkan oleh penyakit dan usia. Beliau berdiri sebaris dengan tokoh-tokoh lain dalam sejarah politik di Malaysia dan Singapura, bahkan di dunia, yang telah mengorbankan masa paling berharga mereka dalam penjara dan mengobarkan semangat juang yang tidak boleh ditundukkan. Buku ini meraikan sejarah hidup dan sumbangan besar Pak Said kepada perjuangan kemerdekaan, kebebasan dan keadilan, serta sebagai lambang nurani kebebasan umat manusia. Ia seharusnya dibaca oleh semua rakyat Malaysia yang cintakan kebebasan, demokrasi, keadilan, perpaduan kaum serta kemanusiaan sejagat.

## SINOPSIS BUKU



Azhar Idrus dan Halim  
Hafidz

### **Tazkirah senafas**

Batu Caves, Selangor : PTS  
Pub. House, 2015. 128ms.  
ISBN 978-967-411-514-2

*Tazkirah senafas* merupakan peringatan dan garis panduan kehidupan seharian kita. Baris-baris nasihat yang ringkas dan mudah difahami oleh pembaca menjadikan tazkirah ini penuh dengan motivasi. Walaupun disampaikan dengan humor, tetapi memberi makna yang sangat mendalam dan boleh memberi keinsafan kepada pembaca. Nasihat dan peringatan yang disertai ilustrasi yang menarik dapat memberi pemahaman yang berkesan kepada pembaca. Peringatan-peringatan yang dikongsikan meliputi rutin kehidupan seharian yang berlandaskan kepada syariat Islam yang kadang kala kita terlalai dalam melaksanakannya.

## SINOPSIS BUKU




Mukhlis A.Rahman dan  
Ahmad Fauzi Ismail  
**Teknologi reaktor termaju  
berasaskan seramik**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
110ms.  
ISBN 978-983-49-0153-0

Buku ini mengetengahkan teknologi seramik yang merupakan teknologi reaktor yang dikatakan teknologi termaju dewasa ini untuk penghasilan dan pemisahan bahan kimia. Ianya gabungan teknologi reaktor membran dan reaktor mikro. Ini merangkumi asas tindak balas kimia, penggunaan pemangkin dalam teknologi reaktor, reaktor membran, reaktor makro, pembuatan gentian geronggang, pembangunan reaktor termaju dan aplikasi reaktor dalam teknologi sedia ada. Isi kandungan buku ini berdasarkan tesis peringkat ijazah doktor falsafah dari penulisan jurnal antarabangsa. Penulis turut mengetengahkan teori asas seperti pembentukan seramik, tindak balas kimia, keterlarutan bahan dan aliran gas untuk membantu pembaca memahami mengenai teknologi seramik ini. Buku ini sesuai untuk pelajar dalam bidang berkaitan teknologi seramik yang sedang berkembang maju.



## SINOPSIS BUKU



Khairuddin Kamaruddin  
**Tumbuhan berkhasiat  
ubatan : penanaman dan  
pemprosesan produk**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
260ms.  
ISBN 978-983-46-1701-1

Kesedaran tentang kesan makanan terhadap kesihatan serta krisis kesihatan global telah menyebabkan sumber semulajadi daripada tumbuhan dieksploitasi untuk menghasilkan pelbagai produk dan makanan yang berkhasiat untuk kesihatan. Kini terdapat pelbagai pihak yang berkecimpung dalam penanaman tumbuhan ubatan dan tumbuhan berkhasiat yang menyebabkan industri pemprosesan produk kesihatan berasaskan sumber semulajadi semakin berkembang maju. Pemilihan spesis tanaman yang tepat amat penting bagi menentukan produk yang dihasilkan dapat memenuhi permintaan tempatan dan seterusnya menjangkau ke peringkat antarabangsa. Buku ini memberikan panduan maklumat tentang spesis tanaman yang popular untuk ditanam, kaedah penanaman dan pemprosesan produk tumbuhan yang mempunyai khasiat ubatan. Di samping itu, buku ini mengandungi pelbagai maklumat mengenai spesis dan ekosistem tumbuhan ubatan dan tumbuhan berkhasiat serta disiplin perubatan herba dan penggunaannya.